

BERITA BUKIT AMAN

**BUKIT AMAN
PERKENAL SISTEM
MYPELAWAT
MS 15**



**PENGHARGAAN
PASUKAN BUAT
WIRA NEGARA
MS 16**



**JASAMU DIKENANG,
SELAMAT BERSARA BUAT
DATO' SRI MOHD ZAKARIA
MS 18**



SIDANG REDAKSI

Editor
SAC Dato' Asmawati Ahmad

Penolong Editor
Supt Skandaguru Anandan
ASP Norhamizah Abu Bakar
ASP S.Vishvamalar A.Sirosagee
ASP Abdul Rahim Othman Siru

Pembantu Penolong Editor
Insp Suzila Ismail
Insp Siti Arba'iyah Md Nadirin
Insp Mohd Farhan Zahari

Pereka Grafik
Insp Muhamad Asiff Jamaludin
Kpl Muhammad Iqtar Azmi
Konst Siti Nur Izzaty Rosli

Jurufoto
SM Zaiddin Dahalan
Kpl Irfan Bujang
L/Kpl Shazril Abd Rashid
L/Kpl Muhammad Aizat Afiq Kamarudin

Sumbangan Artikel
Unit Penerbitan dan Publisiti (UPP)
Unit Portal dan Media Sosial (UPMS)
Unit Sumber Informasi dan Analisis (SIDA)

Petikan Kata-kata Ketua Polis Negara

“

Kepada warga PDRM yang membarisi benteng pertahanan hadapan, yakinlah bahawa keikhlasan kita menggalas tanggungjawab yang diamanahkan, dengan mengetepikan keselamatan dan kepentingan diri serta keluarga, adalah setinggi-tinggi pengorbanan yang dapat kita hadiahkan kepada masyarakat. Insyallah, setiap titisan keringat yang membasahi bumi di saat kita menjalankan tugas, adalah ibadah yang akan mendapat sebesar-besar ganjaran di hari muka.

Perutusan Ketua Polis Negara
Sempena Bulan Ramadan
23 April 2020

“

Buat warga Polis Diraja Malaysia, andalah wira di hati masyarakat dan negara. Yakinlah, bahawa setiap kudrat yang dikerah, lelah yang dihela, keringat yang mengalir dan titisan air mata yang jatuh dalam perjuangan ini, akan sentiasa diiringi dengan doa serta harapan daripada seluruh ahli keluarga dan masyarakat.

Perutusan Ketua Polis Negara
Sempena Hari Raya Aidilfitri Tahun 2020.
22 Mei 2020

”

”

POLIS TAHAN 139 INDIVIDU KES TIPU JUAL TOPENG MUKA

Kuala Lumpur, 4 April 2020 – Polis berjaya menangkap seramai 39 orang suspek yang bergiat aktif melakukan penipuan penjualan topeng muka atas talian sejak 1 Januari lalu. Daripada jumlah itu, 10 orang adalah suspek wanita dan kesemua yang ditahan berusia antara 21 hingga 45 tahun.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersil (JSJK) Bukit Aman, CP Dato' Sri Mohd Zakaria Ahmad berkata, hasil tangkapan itu polis telah mendakwa seramai 22 orang di mahkamah.

Katanya, penipuan kes penjualan topeng muka berlaku sejak penularan COVID-19 di China dan ekoran kekurangan stok topeng muka di pasaran tempatan ditambah dengan peningkatan permintaan di Malaysia.

“Polis berjaya menangkap mereka dan kes disiasat mengikut Seksyen 402 Kanun Keseksaan kerana menipu dan kesemua yang terlibat adalah warga tempatan. Akibat penipuan 556 kes kesemuanya melibatkan kerugian berjumlah RM4.2 juta setakat ini dan apa yang mengejutkan adalah 80 peratus penipuan atau 501 kes daripadanya yang melibatkan kerugian RM3.5 juta adalah berlaku sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dari 18 Mac lalu,” katanya dalam sidang media khas.

Menurut Dato' Sri Zakaria, penipuan topeng muka di Facebook sahaja merekodkan 401 kes penipuan disusuli aplikasi WhatsApp (65 kes), mudah.my (27 kes), WeChat (16 kes), Shopee (10 kes) dan telefon bimbit (8 kes), Carousell dan Google masing-masing lima serta penjualan bersemuka pula tiga kes.

Katanya, modus operandi kesemua suspek adalah mengiklankan penjualan topeng muka dalam media sosial sebelum mangsa yang menyedari iklan akan berhubung dengan suspek melalui aplikasi WhatsApp yang kemudian akan diberikan akaun bank untuk transaksi pembayaran dan dijanjikan penghantaran.

“Malangnya setelah pembayaran selesai, suspek gagal dihubungi mangsa serta akses media sosial turut disekat selain penghantaran yang dijanjikan suspek sindiket tidak berlaku.

“Ada juga mangsa (pembeli) mencari sendiri penjualan topeng muka melalui pelbagai saluran media sosial dan menerusi rakan-rakan mereka dan siasatan mendapati kebanyakan topeng yang dipaparkan oleh sindiket adalah gambar yang diambil daripada internet.

“Bagi mengaburi mata mangsa atau pembeli, sindiket penipuan juga memberi nombor pengesanan atau *tracking number* penghantaran barangan yang sebenarnya barang lain dan bukan untuk tujuan penghantaran,” katanya.

Beliau menasihati orang ramai supaya tidak lagi terpedaya dengan sindiket penipuan dalam keadaan getir arahan PKP COVID-19 dan sentiasa menyemaknya dengan pihak berkuasa.

Katanya, pembeli yang mahu membeli barang atas talian hendaklah menyemak kesahihan penjualnya selain meneliti status penjual serta komen pengguna terlebih dahulu.

Pembeli hendaklah menyemak akaun penerima sebelum membuat pembayaran di portal ‘semakmule’ JSJK selain menyemak status *online seller* di laman web <http://biztrust.ssm.com.my>.

“Jangan menyebarkan maklumat yang tidak pasti kesahihannya sekiranya menerima mesej berantai daripada orang lain, baca dan padamkan. Kalau tidak pasti jangan kongsi dan semak terus di portal sebenarnya.my di Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia.

“Justeru paling penting jangan membuta tuli berkongsi butiran kad pengenalan dan nombor akaun bank anda kepada pihak ketiga walaupun rakan kenalan serta jangan percaya dengan mana mana panggilan tawaran topeng muka dan sila hubungi JSJK Infoline (melalui WhatsApp sahaja) di talian 013-2111222,” tegasnya.



PKP FASA KE-2:

PGU PANTAU PERGERAKAN ORANG RAMAI DI RUANG UDARA IBU KOTA



Subang Jaya, 5 April 2020 - Penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi menangani wabak COVID-19 yang memasuki fasa kedua sejak 1 April lalu, diperkukuhkan lagi dengan pemantauan dari udara oleh Pasukan Gerakan Udara (PGU) Polis Diraja Malaysia (PDRM) di sekitar ibu kota.

Tinjauan eksklusif oleh pasukan Urus Setia Ketua Polis Negara (Komunikasi Korporat) bersama kru PGU Pangkalan Subang itu diketuai oleh Timbalan Komander (Operasi) PGU, SAC Tuan Noor Sham Md. Jani selaku Kapten bersama Pembantu Juruterbang, ASP Firdaus Rosli.

Turut sama dalam helikopter jenis Agusta Westland AW139 tersebut ialah Ketua Pemeriksa Pemerhati Udara, Sub Inspektor Borahan Bejo dan Pemerhati Udara, Lans Koperal Noorhayati Md. Saad.

Helikopter berlepas dari Pangkalan Subang pada jam 9.00 malam membuat pemantauan dari udara bermula dari Cheras hingga ke Sri Petaling yang meliputi jarak sejauh 10 kilometer.

Semasa pemantauan dibuat, hanya kelihatan beberapa kenderaan awam mahu pun persendirian di atas jalan raya. Ianya jelas membuktikan bahawa masyarakat mula memahami tujuan kerajaan melaksanakan PKP adalah untuk memutuskan rantaian wabak yang boleh membawa maut tersebut.

Ketua Polis Negara, IG Tan Sri Dato' Seri Abdul Hamid Bador memaklumkan bahawa pematuhan orang ramai terhadap PKP telah meningkat kepada 99 peratus.

Beliau turut menzahirkan penghargaan kepada rakyat Malaysia kerana mematuhi PKP dan lain-lain arahan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa dari semasa ke semasa.



PDRM, ATM SENADA KAWAL PENULARAN WABAK COVID-19



Kuala Lumpur, 6 April 2020 - Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) akan memastikan kepentingan masyarakat serta negara terjamin ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di daerah-daerah *hotspot* jangkitan wabak COVID-19.

Perkara itu dibincangkan oleh Ketua Polis Negara, IG Tan Sri Dato' Seri Abdul Hamid Bador dengan pertemuannya bersama Panglima ATM, Jeneral Tan Sri Dato' Sri Haji Affendi Buang TUDM dan panglima ketiga-tiga cabang ATM, di Wisma Perwira.

Mengulas lanjut, Tan Sri Abdul Hamid juga memberi jaminan yang kedua-dua Pasukan akan mempertingkatkan kawalan di sempadan laut, udara dan darat bagi memastikan penularan wabak itu tidak melibatkan jangkitan rentas sempadan.

"PDRM dan ATM senada dalam usaha mengawal penularan wabak COVID-19 dan kita akan terus meningkatkan operasi bersama untuk memastikan rantaian wabak ini diputuskan dengan efektif," tegas beliau.

Bermula 22 Mac lalu, ATM mula diatur gerak bagi membantu PDRM dalam memastikan rakyat mematuhi pelaksanaan PKP bagi membendung wabak COVID-19.



APLIKASI BNMsafe (8002) ALAT PERDAYA MANGSA



Kuala Lumpur, 13 April 2020 - Jabatan Siasatan Jenayah Komersil (JSJK) Bukit Aman mengesan taktik terbaharu sindiket penipuan dalam talian yang memperdayakan mangsa untuk memuat turun satu aplikasi BNMsafe (8002) melalui telefon bimbit.

Pengarahnya, CP Dato' Sri Mohd Zakaria Ahmad berkata, polis menerima enam laporan daripada mangsa berusia 24 hingga 59 tahun sejak 7 April hingga 11 April lalu membabitkan kerugian sebanyak RM295,350.

"Sindiket berkenaan akan menghubungi mangsa secara rawak sebelum menghantar satu pautan ke telefon bimbit mangsa menggunakan aplikasi WhatsApp.

"Mangsa kemudian diarah memuat turun aplikasi platform TestFlight yang mengandungi satu aplikasi lain iaitu BNMsafe (8002)," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat JSJK.

Dato' Sri Mohd Zakaria berkata, mangsa kemudian diminta memasukkan maklumat peribadi dan perbankan melalui aplikasi itu.

"Selepas sindiket mendapat maklumat berkenaan, mereka akan mengakses akaun perbankan mangsa dan membuat pindahan ke akaun bank pihak ketiga.

"Bagi melengkapkan transaksi itu, sindiket akan meminta kod pengesahan transaksi daripada mangsa," katanya.

Beliau berkata, mangsa menyedari kehilangan wang mereka apabila membuat semakan akaun.

"Orang ramai dinasihatkan tidak mempercayai panggilan yang memaklumkan mereka sebagai penguatkuasa atau institusi kewangan," katanya.



PDRM BANTU KELANCARAN PENGHANTARAN PULANG 49 PENUNTUT IPTA ZON TENGAH



Shah Alam, 1 Mei 2020 - Penugasan pegawai dan anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam membantu proses penghantaran pulang 49 penuntut Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) Zon Tengah telah berjalan dengan lancar di Dewan Agong Tuanku Canselor (DATC), Universiti Teknologi Mara (UiTM).

Proses penghantaran kesemua penuntut UiTM Shah Alam itu telah mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang dikeluarkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Penugasan PDRM antaranya melibatkan dokumentasi kebenaran perjalanan dan pemeriksaan air kencing oleh petugas Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik, Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Shah Alam terhadap pemandu kenderaan serta sesi taklimat oleh Pegawai Penyelaras Kor Suksis UiTM Shah Alam, ASP Jeferi Ahmad bagi memastikan semua pihak yang terlibat mematuhi SOP yang ditetapkan.



Terdahulu, kesemua penuntut yang dihantar pulang diwajibkan untuk menjalani pemeriksaan kesihatan oleh petugas Pusat Kesihatan UiTM.

Para penuntut juga dibekalkan dengan penutup muka dan cecair pembasmi kuman manakala penjarakan fizikal dipraktikkan ketika mereka berada dalam kenderaan yang disediakan oleh pihak universiti.

Setiap bagasi yang dibawa oleh penuntut juga disanitasi dan dinyahkuman oleh anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Turut hadir dalam sesi ialah Naib Canselor UiTM, Profesor Emeritus Datuk Ir. Dr. Mohd Azraai Kassim dan Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar (HEP), Profesor Dr. Haji Azizan Abdullah.

Kenderaan yang membawa semua penuntut tersebut akan menuju ke IPD berdekatan kediaman masing-masing sebelum dibawa pulang oleh ahli keluarga.



PGU TINJAU PROGRAM LIMPAPAN LAMPU BIRU SOLIDARITI BUAT "FRONTLINERS"



Subang Jaya, 1 Mei 2020 - Polis Diraja Malaysia (PDRM) melalui Pasukan Gerakan Udara (PGU) Pangkalan Subang membuat tinjauan khas Program Limpahan Lampu Biru tanda solidariti buat para petugas barisan hadapan anjuran Kementerian Wilayah Persekutuan.

Tinjauan khas menggunakan dua helikopter jenis Agusta Westland AW139 bersama pasukan media sosial Urus Setia Ketua Polis Negara (Komunikasi Korporat) itu berlangsung di sekitar ibu kota.

Terdahulu, Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Annuar Musa mengumumkan program penghargaan buat para petugas barisan hadapan atau *frontliners* yang berkhidmat dalam menangani wabak COVID-19 itu akan berlangsung sehingga 3 Mei ini.

Tujuan utamanya adalah sebagai tanda ucapan terima kasih kerajaan terhadap pengorbanan, kecekalan, kesungguhan, jasa dan keringat *frontliners* sama ada di sektor awam atau swasta serta sukarelawan yang bertugas tanpa sempadan untuk rakyat Malaysia.

Kru PGU diketuai oleh Timbalan Komander (Operasi) PGU, SAC Tuan Noor Sham Md Jani selaku Kapten bersama Superintendan Penerbangan Helikopter, Superintendan Mohd Fairuz Jamil dan ASP Penerbangan Helikopter, ASP Shahritz Shaharuddin serta ASP Mohammad Firdaus Rosli, selaku Pembantu Juruterbang.



Turut sama ialah Pemeriksa Pemerhati Udara, Sub Inspektor Borahan Bejo, Sarjan Rahman Muhamad Yusoff, Koperal Jagjeet Kaur dan Lans Koperal Noorhayati Md Saad.

Manakala di Ibu Pejabat Polis Bukit Aman, turut kelihatan kedua-dua menara utama secara serentak menyalakan lampu biru di perkarangan luar bangunan tepat jam 10 malam.

Menurut Penolong Pengarah Pengurusan (Keselamatan/Sukan/Rekreasi), ACP Tuan Sukri Kaman, PDRM selaku *frontliners* juga tidak ketinggalan untuk bersama-sama menyokong program tersebut yang mampu menaikkan semangat warga Pasukan yang telah hampir dua bulan bertugas di lapangan semenjak Perintah Kawalan Pergerakan dikuatkuasakan.





KHIDMAT KEPADA MASYARAKAT DI JALAN RAYA TETAP DITERUSKAN WALAU PKPB DIKUATKUASAKAN

Kajang, 8 Mei 2020 - Walaupun kebanyakan sekatan jalan raya (SJR) telah mula ditarik balik bagi memberi tumpuan kepada penguatkuasaan terhadap penjarakan fizikal orang ramai, namun masih terdapat beberapa daerah di dalam negara yang meneruskan operasi pemantauan di jalan raya bagi memastikan keselamatan masyarakat terjamin.

Tinjauan Urus Setia Ketua Polis Negara (Komunikasi Korporat) di daerah Kajang, Selangor mendapati masih terdapat tiga SJR yang masih aktif dengan kawalan daripada anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM) bersama Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Lokasi SJR 3 dalam kawasan Bangi Lama dengan Nilai merupakan antara lokasi sekatan yang masih kekal menjalankan pemantauan untuk mengawal kenderaan keluar masuk ke kawasan perindustrian di negeri Selangor dan Negeri Sembilan.

Walaupun memasuki hari ke-15 umat Islam menunaikan ibadah puasa hari ini, namun semangat, komitmen, ketegasan dan fokus setiap anggota bertugas dalam memeriksa kenderaan satu persatu secara terperinci termasuk penunggang motosikal, wajar dipuji.

Bagi penyelia SJR, Sarjan Mohd Khairul Sahimi Walah dan Sarjan Nurul Izzah Zainudin, kerjasama baik diberikan oleh masyarakat yang memahami tugas *frontliners* dalam mengekang wabak COVID-19 merupakan antara penyumbang bagi memastikan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) berjaya.

“Meskipun terdapat peningkatan jumlah kenderaan selepas kerajaan mengumumkan PKPB, tiada kesesakan luar biasa berlaku di kawasan sempadan ini kerana masyarakat sentiasa patuh kepada arahan dikeluarkan oleh pihak berkuasa dari semasa ke semasa,” ujar Sarjan Nurul Izzah yang juga Sarjan Aktiviti Balai Kajang.



TIMBALAN KPN LAWAT PENUGASAN BARISAN HADAPAN DI PLAZA TOL JALAN DUTA

Kuala Lumpur, 23 Mei 2020 – Timbalan Ketua Polis Negara, DIG Dato' Pahlawan Mazlan Mansor hadir meninjau penugasan sekatan jalan raya (SJR) yang diadakan di Plaza Tol Jalan Duta.

Lawatan beliau juga bertujuan menyantuni 31 petugas barisan hadapan yang diketuai oleh ASP Nasyrul Abdul Razak bersama pegawai dan anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APMM).

Tinjauan di plaza tol tersebut mendapati, jumlah kenderaan semakin meningkat berikutan orang ramai keluar bagi menyediakan keperluan Hari Raya Aidilfitri, yang bakal disambut oleh seluruh umat Islam di negara ini.

Walaupun bagaimanapun, terdapat kenderaan yang diarahkan untuk berpatah balik ke lokasi asal selepas didapati melanggar Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) iaitu tidak memiliki kebenaran rentas negeri oleh pihak polis.

Dalam sidang media yang diadakan selepas sesi lawatan tersebut, Dato' Pahlawan Mazlan mengingatkan sekali lagi kepada orang ramai agar sentiasa mematuhi PKPB dan jangan sesekali cuba melakukan pergerakan secara “curi-curi”.

Jelasnya, jika berdegil, tindakan kompaun akan dikenakan.

Dato' Pahlawan Mazlan turut menyampaikan sumbangan kepada para petugas di lokasi sebagai tanda penghargaan kepada mereka yang menjalankan penugasan walaupun ketika hari perayaan.





**HOPE FOR THE BEST
BUT PREPARE
FOR THE WORST**

**BERHENTI
PEMERIKSAAN
PO**

TINJAUAN AMBANG SYAWAL KPN TERHADAP 'FRONTLINERS' DI PLAZA TOL GOMBAK




Gombak, 23 Mei 2020 - Ketua Polis Negara, IG Tan Sri Dato' Seri Abdul Hamid Bador melapangkan masa meninjau penugasan petugas barisan hadapan di lokasi sekatan jalan raya di Plaza Tol Gombak.

Kehadiran beliau yang diiringi Ketua Polis Selangor, CP Dato' Noor Azam Jamaludin bertujuan memantau sendiri kelancaran operasi penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) bagi menangani wabak COVID-19 menjelang 1 Syawal.

Selain beramah mesra dengan petugas Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia dan lain-lain agensi bantuan, Tan Sri Abdul Hamid sempat menyampaikan sumbangan kebajikan sebelum ditemu bual oleh pihak media bagi memaklumkan perkembangan situasi keselamatan terkini.

Menerusi Perutusan Sempena Hari Raya Aidilfitri Tahun 2020, Tan Sri Abdul Hamid menyanjung pengorbanan yang telah dibuat oleh para petugas barisan hadapan khasnya daripada PDRM dengan menyifatkan mereka sebagai 'wira di hati masyarakat dan negara'.

"Yakinlah, bahawa setiap kudrat yang dikerah, lelah yang dihela, keringat yang mengalir dan titisan air mata yang jatuh dalam perjuangan ini, akan sentiasa diiringi dengan doa serta harapan daripada seluruh ahli keluarga dan masyarakat," ujar beliau dalam laman Facebook rasminya.



OP BENTENG: PGU LAKUKAN PEMANTAUAN BERTERUSAN KAWAL KEMASUKAN PATI



Kuala Selangor, 7 Jun 2020 - Polis Diraja Malaysia (PDRM) menerusi Pasukan Gerakan Udara (PGU) menjalankan pemantauan melalui udara secara berterusan bagi mengawal kemasukan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) dalam Op Benteng di sepanjang Pantai Barat Semenanjung Malaysia.

Pemantauan tertumpu pada 'lorong-lorong tikus' dan kawasan panas di sempadan perairan negara yang merupakan laluan utama tekong laut serta darat membawa masuk warga asing secara haram.

Selaku kapten dalam operasi pemantauan yang dilakukan Timbalan Komander (Operasi) PGU, SAC Tuan Noor Sham Md. Jani berkata, PGU bertanggungjawab menjalankan tugas tersebut sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan pada 18 Mac.

Jelas beliau lagi, pemantauan udara dibuat secara kerap bagi mengesan lebih awal sebarang aktiviti keluar masuk PATI di perairan negara ini, sekaligus mengawal penularan wabak COVID-19.

Sepanjang tiga jam pemantauan yang dijalankan, tiada terkesan sebarang aktiviti PATI pada setiap kapal atau bot yang diperhatikan melalui laluan-laluan yang dikesan.

Turut sama dalam penerbangan tersebut ialah ASP Mohammad Firdaus Rosli sebagai pembantu juruterbang dan dibantu oleh Sarjan Rahman Muhamad Yusoff serta Lans Korperal Nurfaseha Rahmat sebagai pemerhati udara dengan menaiki Helikopter Agusta Westland AW139.

Selain PDRM, Op Benteng yang mula dilaksanakan pada 12 Mei lalu turut melibatkan Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan agensi penguatkuasaan keselamatan lain di bawah *National Task Force (NTF)* yang bertujuan mengawal ketat sempadan negara secara bersepadu daripada dibolosi PATI dan mengekang wabak pandemik COVID-19.



KPN TERIMA KUNJUNGAN HORMAT KETUA PENGARAH JPNIN

Kuala Lumpur, 10 Jun 2020 - Ketua Polis Negara, IG Tan Sri Dato' Seri Abdul Hamid Bador berbesar hati menerima kunjungan hormat daripada Ketua Pengarah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN), Datuk Hisamuddin Mohd Sujak serta delegasi di Ibu Pejabat Polis Bukit Aman.

Antara intipati perjumpaan tersebut bertujuan membincangkan strategi dalam memelihara keharmonian masyarakat selain memperkukuhkan lagi hubungan sedia ada antara Polis Diraja Malaysia dengan JPNIN.





Yaacob telah menyerahkan senaskhah al-Quran kepada Ketua Polis Negara, IG Tan Sri Dato' Seri Abdul Hamid Bador sebagai simbolik sumbangan dalam satu majlis ringkas yang diadakan di Ibu Pejabat Polis Bukit Aman.

Terdahulu, sebanyak 13,805 naskhah al-Quran telah diagihkan kepada sebahagian besar Ibu Pejabat Polis Kontinjen, Ibu Pejabat Polis Daerah, Balai Polis dan juga di lokasi-lokasi sekatan jalan raya dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan dilaksanakan.

Manakala penyerahan baki 1,195 naskhah al-Quran adalah penyerahan terakhir yang diwakafkan kepada warga kerja Bukit Aman dan para jemaah Masjid Bukit Aman.

Tan Sri Abdul Hamid dalam ucapannya berkata, usaha murni tersebut bukan sahaja menggalakkan warga PDRM untuk membaca al-Quran, tetapi juga menyuntik semangat mereka dalam memberi perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat dan negara.

"Ke arah menyuburkan lagi budaya membaca al-Quran, saya berharap agar setiap jabatan mewujudkan sudut al-Quran (Quran corner) dengan meletakkan kitab suci ini di ruangan khas tersebut.

"Di samping itu, warga Pasukan disaran memperuntukkan masa sekurang-kurangnya lima minit sehari untuk membaca dan menghayati isi kandungan al-Quran yang penuh dengan mukjizat, penawar serta menjadi panduan hidup kita," katanya lagi.

MEDIA KARANGKRAF WAKAF 15 RIBU NASKHAH AL-QURAN KEPADA WARGA PDRM

Kuala Lumpur, 11 Jun 2020 – Kumpulan Media Karang kraf Sdn. Bhd. berbesar hati mewakafkan sebanyak 15,805 naskhah al-Quran kepada warga Polis Diraja Malaysia (PDRM) seluruh negara bagi meningkatkan motivasi kerja menerusi bacaan ayat-ayat suci al-Quran.

Pengasas Yayasan Warisan Ummah Ikhlas (IKHLAS) merangkap Pengerusi Kumpulan Media Karang kraf, Dato' Hussamuddin Haji



BUKIT AMAN KINI PERKENAL SISTEM MYPELAWAT

Kuala Lumpur, 17 Jun 2020 – Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah memperkenalkan satu sistem keselamatan MyPelawat kepada orang ramai yang mempunyai urusan di Ibu Pejabat Polis Bukit Aman.

Sistem yang merupakan inisiatif Jabatan Pengurusan dengan kerjasama Jabatan Logistik dan Teknologi PDRM itu telah dirasmikan oleh Timbalan Ketua Polis Negara, DIG Dato' Pahlawan Mazlan Mansor dalam satu majlis ringkas, di lobi Menara 1, Bukit Aman.

Sistem MyPelawat bertujuan memantau pergerakan pelawat yang hadir ke Bukit Aman di samping menyimpan rekod maklumat kesihatan mereka untuk mengekang penularan wabak COVID-19 di premis PDRM itu.

Setakat ini, sistem yang menggantikan borang manual itu hanya diperkenalkan di peringkat Bukit Aman dan akan diperluaskan ke semua peringkat kontinjen, daerah serta balai polis seluruh negara dalam tempoh terdekat.

Pelawat kini boleh mengisi borang di pautan <https://mco.rmp.gov.my/mcoweb/PREMISEFORM.aspx> sebelum hadir atau mengisi butiran diri di balai pengawal Ibu Pejabat Polis Bukit Aman untuk mendapatkan Kod QR.



PENGHARGAAN PASUKAN BUAT WIRA NEGARA: IBU AYAH KOPERAL SAFWAN TERIMA PANGKAT ARWAH ANAK

Ipoh, 19 Jun 2020 - Perkhabaran duka yang diterima pada hening pagi 3 Mei 2020, begitu merobek hati pasangan suami isteri, Encik Mohamad Ismail Othman dan Puan Noriza Mat Sani. Anak yang selama ini menjadi harapan dan tulang belakang keluarga, hilang sekelip mata tanpa sempat ucap perpisahan buat ayahanda serta bonda tercinta.

Tidak pernah sesekali menyalahkan takdir, malah mereka redha dengan pemergian anakanda ketika berjihad untuk negara. Namun, perasaan kedua pasangan itu sedikit kecewa kerana nyawa Koperal Safwan diragut oleh tangan si pemabuk tidak berguna.

Allahyarham Koperal Safwan terkorban selepas mengalami kecederaan parah dirempuh sebuah kenderaan yang dipandu seorang lelaki mabuk ketika menjalankan tugas sekatan jalan raya Op COVID-19 berhampiran Plaza Tol Kajang Selatan, Lebuhraya Kajang-Seremban (LEKAS), kira-kira jam 2 pagi, 3 Mei.

Sesungguhnya beliau hanya seorang anggota polis biasa yang ikhlas menjalankan tanggungjawab kepada masyarakat, namun kematian anak muda berusia 31 tahun itu diangkat begitu mulia di sisi Sang Pencipta. Bukan sahaja keluarga, malah seluruh warga Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan rakyat Malaysia turut bersedih dengan tragedi yang menimpa wira negara itu.

Sebagai tanda penghargaan negara dan PDRM terhadap jasa serta pengorbanan Allahyarham Koperal Safwan semasa hayatnya, satu majlis ringkas tetapi penuh bermakna telah diadakan di Dewan Mes Pegawai Kanan, Briged Utara Pasukan Gerakan Am (PGA).

Encik Mohamad Ismail dan Puan Noriza yang diberi penghormatan tersebut ternyata sebak apabila dijemput oleh pengacara majlis untuk naik ke pentas bagi menerima pangkat Sarjan *posthumous* secara medan yang disampaikan sendiri oleh Menteri Kementerian Dalam Negeri (KDN), Dato' Seri Hamzah Zainudin.

Perasaan sayu dan pilu itu turut dirasai oleh para hadirin yang nyata masih bersedih dengan peristiwa menimpa Allahyarham.

Selain menerima kelengkapan seragam Anggota Pangkat Rendah berupa sebatang tongkat, selempang dan pangkat Sarjan yang diletakkan dalam bingkai gambar, kedua pasangan turut menerima skim *ex-gratia* bencana kerja Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan faedah terbitan buat arwah anak mereka.

Turut disampaikan ialah sumbangan daripada warga PDRM sendiri yang dikelolakan oleh Jabatan Siasatan Jenayah, Bukit Aman sebagai keperluan buat ahli keluarga Allahyarham.

Hadir sama, Ketua Setiausaha KDN, Dato' Jamil Rakon, Ketua Polis Negara, IG Tan Sri Dato' Seri Abdul Hamid Bador, Pengarah Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam, CP Dato' Sri Acryl Sani Haji Abdullah Sani, Pengarah Pengurusan, CP Dato' Sri Abd Rahim Jaafar dan Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah, CP Dato' Huzir Mohamed.

Turut hadir, Ketua Polis Perak, CP Dato' Razaruddin Hussain, Ketua Polis Selangor, CP Dato' Noor Azam Jamaludin dan Komander Briged Utara, SAC Tuan Abd Ghani Mohd Ji.

Allahyarham Koperal Safwan Mohamad Ismail telah memulakan kerjayanya dalam PDRM pada 1 Mei 2009 dengan menjalani Program Latihan Asas Kepolisan selama sembilan bulan di Pusat Latihan Polis (PULAPOL) Air Hitam, Jempol, Negeri Sembilan.

Setelah tamat menjalani latihan, Allahyarham ditugaskan di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Shah Alam sebelum bertukar ke Bahagian Siasatan Jenayah, IPD Kajang, Selangor. Allahyarham dikenang sebagai antara wira barisan hadapan negara yang terlibat secara langsung dalam tugas sekatan jalan raya sempena Op COVID-19 sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan oleh kerajaan sejak 18 Mac lalu.

Marilah bersama-sama kita mendoakan agar roh Allahyarham Sarjan 171555 Safwan Mohamad Ismail dicucuri rahmat dan ditempatkan dalam kalangan para syuhada. Al-Fatihah.





JASAMU DIKENANG, SELAMAT BERSARA BUAT DATO' SRI MOHD ZAKARIA



Kuala Lumpur, 26 Jun 2020 - "Bunga Seroja Di Hujung Tanjung, Jatuh Ditimpa Buah Berangan, Jasamu Tuan Kekal Disanjung, Kekal Terpahat Dalam Kenangan."

Itulah serangkap pantun tanda 'hadiah' oleh Ketua Polis Negara (KPN), IG Tan Sri Dato' Seri Abdul Hamid Bador yang mewakili seluruh warga Polis Diraja Malaysia (PDRM) buat Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersil (JSJK), CP Dato' Sri Mohd Zakaria Ahmad yang menjalani persaraan wajib pada 28 Jun, setelah lebih 40 tahun menabur bakti dalam Pasukan.

Insan yang lebih mesra dikenali sebagai 'Pak Ya' dalam kalangan rakan sejawatannya, dilantik menerajui JSJK sejak setahun lalu dan ketelitian hasil kerja beliau telah membawa jabatan itu ke satu tahap yang sangat memberangsangkan.

Dato' Sri Mohd Zakaria juga terkenal dengan sifatnya yang "mesra tetapi tegas" dalam kalangan warga PDRM dan pakar rujuk terutamanya dalam selok-belok siasatan kes-kes jenayah berprofil tinggi khususnya jenayah kolar putih dalam negara.

Dilahirkan di Klian Intan, Perak pada 28 Jun 1960, Dato' Sri Mohd Zakaria memulakan kerjaya dalam dunia kepolisan sebagai seorang Inspektor Percubaan selepas tamat menjalani Program Latihan Asas Keapolisan di Pusat Latihan Polis (PULAPOL) Kuala Lumpur.

Antara jawatan yang pernah disandang beliau semasa dalam Pasukan ialah Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Kontinjen Kedah, Pahang dan Pulau Pinang serta pernah diamanahkan menjadi Timbalan Ketua Polis Johor sebelum dinaikkan pangkat menjadi Timbalan Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah (Siasatan dan Perundangan), Bukit Aman.

Graduan Sarjana dalam Pentadbiran Perniagaan dari Universiti Utara Malaysia dan Sarjana Muda Undang-undang dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia itu juga pernah diberi kepercayaan menjadi Ketua Polis Pahang dari tahun 2018 sehingga 2019.

Kewibawaan dan kepimpinannya yang semakin terserlah telah membolehkan pucuk pimpinan PDRM memilih beliau menjawat jawatan sebagai Pengarah JSJK, Bukit Aman pada 17 Jun 2019 di puncak karier beliau.

Sebagai menghargai jasa dan bakti yang telah dicurahkan beliau dalam Pasukan selama ini, satu Majlis Paluan Berundur Pengarah JSJK telah diadakan di Dataran Kawad PULAPOL Kuala Lumpur.

Majlis penuh adat istiadat kepolisan itu turut dihadiri oleh Tan Sri Abdul Hamid bersama isteri merangkap Pengerusi Persatuan Keluarga Polis (PERKEP) Malaysia, Puan Sri Datin Seri Norazrin Marzuki serta Timbalan KPN, DIG Dato' Pahlawan Mazlan Mansor dan isteri, Datin Fariah Mohd Zamri.

Terdahulu di sebelah pagi, telah berlangsung Majlis Serah Terima Tugas Pengarah JSJK antara Dato' Sri Mohd Zakaria dengan timbalannya memangku jawatan tersebut, CP Datuk Saiful Azly Haji Kamaruddin dengan disaksikan oleh Tan Sri Abdul Hamid bertempat di Mes Pegawai Kanan, Bukit Aman.

Majlis turut diserikan lagi dengan Majlis Serah Terima Tugas Pengerusi PERKEP JSJK antara suri Dato' Sri Mohd Zakaria iaitu Datin Sri Noor Amirzah Othman dengan Datin Syuhada Yahya sambil disaksikan oleh Puan Sri Norazrin sendiri.

Turut hadir, barisan Pengarah PDRM dan isteri, para pegawai kanan dan ahli-ahli PERKEP, ahli keluarga Dato' Sri Mohd Zakaria serta rakan-rakan media.

Bagi pihak seluruh warga Pasukan, kami warga kerja Media Sosial Rasmi PDRM ingin mengambil kesempatan mengucapkan 'Selamat Bersara' dan turut mendoakan agar Dato' Sri diberi kesihatan yang berpanjangan serta bahagia bersama keluarga tercinta.



KPN TERIMA KUNJUNGAN HORMAT DARIPADA DELEGASI JKSTUPKK



Kuala Lumpur, 23 Jun 2020 - Ketua Polis Negara (KPN), IG Tan Sri Dato' Seri Abdul Hamid Bador berbesar hati menerima kunjungan hormat daripada Delegasi Jawatankuasa Siasatan Tadbir Urus Perolehan dan Kewangan Kerajaan (JKSTUPKK) di Bukit Aman.

Delegasi yang diketuai oleh Pengerusi JKSTUPKK, Tan Sri Ambrin Buang hadir membincangkan mengenai tindakan penguatkuasaan Polis Diraja Malaysia dalam mengurus dan menangani masalah Pendatang Asing Tanpa Izin sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan dilaksanakan.





KONSEP & TERBITAN:
Urus Setia KPN (Komunikasi Korporat)
Tingkat 2, Menara 1,
Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia
Bukit Aman 50560 Kuala Lumpur

Tel: 03-22668318 / 8326 / 8329
Faks: 03-22668330

Kepada pembaca budiman,
Jika anda ingin menyumbangkan sebarang karya tulisan seperti artikel / puisi / sajak / informasi menarik berkaitan PDRM untuk dimasukkan di dalam Berita Bukit Aman, sila emelkan kepada asmawati@rmp.gov.my atau hubungi 03-22668318 / 8331 untuk pertanyaan lanjut.